



Analisis Kesilapan Penggunaan Perkataan Sinonim Bahasa Thai dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia

Mohamed Ramdhan Mohamed Razak, Norizan Che Su & Nik Farhan Mustapha

ramdhanfbmk@yahoo.com, zan@upm.edu.my, farhan@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Sinonim merupakan kata seerti atau kata yang mempunyai sama maksud. Penggunaan perkataan sinonim dapat dibezakan penggunaannya melalui konteks ayat yang berlainan. Walaupun sinonim dapat difahami dengan bahasa mudah, namun kebanyakan para pelajar tidak dapat membezakan kegunaan perkataan sinonim ini dengan baik. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menentukan kesilapan penggunaan perkataan sinonim bahasa Thai sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti penggunaan perkataan sinonim bahasa Thai yang digunakan oleh pelajar dalam struktur ayat yang sesuai, dan juga mengenal pasti punca kesilapan penggunaan perkataan ini. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 5 orang pelajar yang mempelajari bahasa Thai pada tahap tiga di Universiti Putra Malaysia.

Kata kunci: kata sinonim, kesalahan, bahasa Thai

Abstract

Synonyms are synonymous words with similar meanings. The use of synonymous words can be distinguished through the use of different sentence context. Even though synonymous words can be easily understood however most students are not able to distinguish the use of them correctly. Therefore, this study was undertaken to determine the aspects of the use of synonymous words in the Thai language as a foreign language among students at University Putra. The objective of this study was to identify the use of synonymous words in the Thai language used by students in appropriate sentence structure, and also identify the source of errors and word usage errors. To achieve the objectives of this research, the researcher used Contrastive analysis and Error analysis approaches. The sample for this study consisted of five level three students currently learning the Thai language at Universiti Putra Malaysia.

Keywords: synonymous words, errors, Thai language

1. Pengenalan

Perkataan sinonim (*synonym*) berasal daripada bahasa Yunani yang terdiri daripada dua kata iaitu *syn* (bererti sama atau serupa) dan *onym* (yang membawa makna nama). Secara umumnya, sinonim ditakrifkan sebagai perkataan atau frasa yang mempunyai erti atau makna yang sama (S. Nathesan, 2001). Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan sinonim sebagai kata yang sama maknanya atau kata yang sama maknanya dengan kata lain, atau seerti. Manakala Noresah Baharom (1997) pula menyatakan sinonim (*synonym*) adalah dua kata atau lebih yang mempunyai makna yang sama dalam sesuatu bahasa.

Berdasarkan takrifan ini, dapatlah difahami bahawa sinonim ialah perkataan yang mempunyai makna yang sama atau seerti dengan perkataan lain, sebagai contoh kata *ayah* dan *bapa* dikatakan sebagai kata yang bersinonim. Hal ini dapat dilihat pada penggunaannya dalam ayat berikut:

1. *Ayah* saya bekerja sebagai pensyarah
2. *Bapa* saya bekerja sebagai pensyarah

Manakala kata sinonim di dalam bahasa Thai adalah seperti berikut*:

- | | | | | | |
|----|-----|------|------|---------|-------|
| 3. | TR: | phô: | phôm | chû: | a:li: |
| | BT: | พ่อ | ผม | ชื่อ | อาลี |
| | BM: | ayah | saya | bernama | Ali |
-
- | | | | | | |
|----|-----|-------|------|---------|-------|
| 4. | TR: | bida: | phôm | chû: | a:li: |
| | BT: | บิดา | ผม | ชื่อ | อาลี |
| | BM: | ayah | saya | bernama | Ali |

Daripada kedua-dua contoh di atas, jelas membuktikan bahawa bahasa Thai juga mempunyai perkataan sinonim seperti bahasa Melayu. Apa yang membezakannya ialah kesesuaian perkataan sinonim tersebut dalam ayat tertentu. S. Nathesan (2001:4) mengatakan bahawa bukan semua kata yang bersinonim menjadi sinonim dalam erti kata sebenar. Hal ini dapat dilihat pada contoh berikut:

5. *Ibu* saya bernama Suraya.
6. *Emak* saya bernama Suraya.
7. Suzan ialah gadis yang *cantik*.
8. Suzan ialah gadis yang *indah*.

Walaupun kata-kata yang berhuruf condong dalam contoh 1 dan 2 berfungsi sebagai sinonim dan dapat digunakan secara saling berganti dalam ayat kerana mendukung makna yang sama, namun kata-kata yang berhuruf condong di dalam contoh 3 dan 4 tidak dapat digunakan secara saling berganti seperti contoh 1 dan 2. Hal ini kerana kata *indah* tidak sesuai atau tidak tepat maknanya jika digunakan untuk menyatakan kata sifat bagi orang, yang *indah*".

Dalam bahasa Thai, ketepatan makna itu dapat dilihat melalui konteks ayat yang digunakan. Bentuk bahasa yang digunakan biasanya tidak memperlihatkan kesalahan dari segi tatabahasa kerana bentuk bahasa itu mematuhi aturan bahasa. Contohnya dalam ayat berikut:

- | | | | | | |
|----|-----|-------|----------------|------|-------------|
| 9. | TR: | a:li: | <u>sùksǎ</u> | thî: | ro:ng ria:n |
| | BT: | อาลี | ศึกษา | ที่ | โรงเรียน |
| | BM: | Ali | <i>belajar</i> | di | sekolah |

Ayat tersebut kelihatan betul kerana mematuhi aturan bahasa iaitu ayat kata kerja yang mengandungi kata kerja, pelaku dan objek. Walau bagaimanapun, apabila diteliti makna ศึกษา / sùksǎ / (belajar yang merujuk kepada peringkat institusi), ia tidak sesuai digunakan untuk "belajar di sekolah". Oleh itu, perkataan ศึกษา / sùksǎ / perlu digantikan dengan perkataan เรียน / ria:n / yang mempunyai makna "belajar yang merujuk kepada peringkat sekolah dan kemahiran". Daripada keterangan ini, dapat dirumuskan bahawa perkataan sinonim bahasa Thai dapat ditentukan berdasarkan makna yang ingin disampaikan.

* Nota: TR tulisan roman BMS bahasa Melayu standard
 BT bahasa Thai R responden
 BM bahasa Melayu

2. Kajian Lepas

Kajian mengenai permasalahan terhadap pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu telah pun dibincangkan oleh para pengkaji lepas. Antaranya; Hazlina Abdul Halim (2013) Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011), Cheun et al (2009), Che Radiah Mezah (2006).

Permasalahan yang timbul dalam mempelajari bahasa asing adalah para pelajar sering kali memindahkan elemen-elemen bahasa ibunda mereka dalam proses penguasaan bahasa kedua. Menurut Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011), cara penghasilan ayat tanya bahasa Thai dalam kalangan pelajar Melayu didapati terpengaruh oleh susunan ayat tanya bahasa ibunda mereka. Keadaan ini telah menjadi tabiat kepada pelajar semasa mempelajari bahasa asing sehinggakan gangguan bahasa ibunda juga menjadi faktor utama menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam pembelajaran tatabahasa Mandarin (Cheun et al, 2009). Justeru, unsur yang berbeza dengan bahasa ibunda akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka. Sebaliknya, mereka akan menerima dengan mudah unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka (Brown, 2000).

Sehubungan dengan itu, ketidakpekaan dan ketidakfahaman responden terhadap peraturan bahasa yang dipelajari juga menjadi permasalahan dalam mempelajari bahasa asing. Menurut Hazlina Abdul Halim (2013), responden yang tidak peka dan faham tentang gender dan aplikasi bahasa Perancis akan membuat rumusan mereka sendiri dan mengaplikasikan gender gramatikal dengan kefahaman yang tidak menyeluruh dan dicampur adukkan dengan kefahaman terhadap unsur lain semasa pembelajaran mereka. Perkara ini akan membawa kepada kesilapan dari segi makna yang didukung oleh ayat tersebut. Hal ini turut dinyatakan oleh Che Radiah Mezah (2006) yang mendapati kegagalan pelajar dalam mengaplikasikan peraturan dan kaedah pembentukan kata bahasa Arab akan menyebabkan maksud ayat tersebut akan mengalami perubahan makna.

Keputusan makna harus ditekan dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia agar maksud yang ingin disampaikan itu jelas dan mudah untuk difahami. Kajian Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) mendapati pembelajaran mengenai bidang semantik iaitu polisemi bahasa Thai oleh pelajar Melayu merupakan masalah yang ketara dalam pembelajaran bahasa Thai. Ini adalah kerana makna yang didukung dalam bahasa pertama pelajar adalah jauh lebih mudah daripada apa yang didapati dalam bahasa Thai. Berdasarkan dapatan di atas, satu persoalan yang timbul adakah permasalahan makna dalam penggunaan kata sinonim bahasa Thai turut dihadapi oleh pelajar Melayu yang mempelajari bahasa ini? Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis kesilapan penggunaan perkataan sinonim bahasa Thai dalam kalangan pelajar Melayu.

3. Metodologi

Responden kajian ini terdiri daripada 5 orang pelajar UPM yang mempelajari Bahasa Thai Tahap Tiga di UPM. Alat kajian yang digunakan adalah soalan kajian yang mengandungi 5 item. Bagi mendapatkan data, setiap responden dikehendaki menjawab soalan tersebut. Jawapan responden dianalisis untuk mengenal pasti penggunaan perkataan sinonim oleh responden. Setelah selesai menjawab, mereka akan ditemu bual. Data yang dikumpul daripada kaedah ini digunakan untuk menjawab objektif kedua iaitu mengenal pasti punca kesalahan mereka. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis data kajian berlandaskan analisis kontrastif dan analisis kesilapan.

Analisis kontrastif merupakan satu pendekatan yang membandingkan sistem linguistik dua bahasa iaitu bahasa asal dan bahasa sasaran pelajar dan meramal jenis kesukaran dan kesenangan yang dihadapi oleh pelajar tersebut (Mogimizadeh, 2008). Daripada pendekatan ini, maka diperoleh maklumat yang berguna untuk mengenal pasti kesilapan yang berlaku dalam proses pembelajaran bahasa kedua oleh pelajar agar kesilapan tersebut dapat ditangani daripada berterusan. Pendekatan analisis kontrastif ini menganggap para pelajar mudah mempelajari elemen-elemen bahasa sasaran yang sama dengan bahasa ibunda mereka manakala elemen-elemen yang berlainan dengan bahasa ibunda mereka akan menjadi kesulitan kepada pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran (Lado, 1957).

Pendekatan kedua yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah analisis kesilapan. Analisis kesilapan yang membawa maksud teknik untuk mengukur kemajuan belajar bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh seseorang atau kelompok (Harimurti Kridalaksana, 1983; Noresah Baharom, 1997). Menurut Corder (1981), pengaplikasian analisis kesilapan dapat memberikan maklumat tentang jenis dan punca kesulitan pelajar yang perlu diberikan tumpuan. Hasil daripada pendekatan tersebut dapat dijadikan

cadangan serta langkah untuk meningkatkan lagi pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua dalam kalangan pelajar.

Sehubungan itu, Carl James (1998) telah membahagikan kesilapan leksikal secara umumnya kepada dua kategori utama, pertama, kesilapan bentuk kata (*word form*) yang menyentuh aspek morfologi dan fonologi. Kedua, kesilapan semantik yang meliputi kekeliruan hubungan makna antara perkataan seperti hiponim, sinonim, superonim dan sebagainya serta kolokasi. Kesilapan leksikal dapat dikategorikan kepada kesilapan interlingual dan intralingual (Susan M. Gass, 2013).

Kesilapan intralingual melibatkan kesilapan bentuk/pola perkataan. Kesilapan intralingual merangkumi kesilapan pemilihan pola kata termasuk pola yang tidak diterima dalam sesuatu bahasa, ejaan, pengguguran dan penambahan perkataan atau dinamakan sebagai ‘kelewahan kata’ dalam ayat, kolokasi, penggunaan perkataan yang sukar difahami dan penciptaan perkataan yang tidak diterima oleh bahasa sasaran. Kesilapan interlingual pula merangkumi kesilapan terjemahan secara literal daripada bahasa ibunda, penciptaan kata (*word coinage*), peminjaman bahasa (*borrowing*), pinjam terjemahan (*loan translation*), dan pengalihan kod (*code switching*).

Selain itu, punca-punca kesilapan yang lain seperti pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran, strategi komunikasi dan generalisasi melampau turut mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar (Selinker, 1976). Manakala Richards (1974) membahagikan punca kesalahan itu kepada tiga bahagian. Pertama, kesalahan antara bahasa yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Kedua, kesalahan dalam satu bahasa yang disebabkan oleh kesalahan generalisasi, pelaksanaan peraturan bahasa secara tidak sempurna. Ketiga, kesalahan perkembangan yang disebabkan oleh generalisasi melampau, kejahilan terhadap sekatan peraturan, pelaksanaan peraturan bahasa secara tidak sempurna, dan salah andaian terhadap konsep bahasa. D.A. Wilkins (1983) pula menyatakan bahawa punca kesalahan adalah disebabkan oleh pemindahan dari bahasa ibunda, tahap penguasaan tatabahasa dan generalisasi melampau serta sistem tatabahasa. Jelaslah bahawa gangguan bahasa ibunda merupakan faktor yang utama dalam mempelajari bahasa kedua kerana semakin tinggi elemen yang berbeza di dalam bahasa sasaran dan bahasa sumber maka semakin tinggi tahap kesukaran untuk mempelajari bahasa asing itu.

Justeru, analisis kesilapan merupakan pelengkap kepada analisis kontrastif. Hal ini kerana analisis kontrastif hanya berperanan untuk mendapatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat antara bahasa sasaran dan bahasa ibunda melalui perbandingan kedua-dua bahasa itu. Namun analisis kontrastif tidak dapat meramal kesulitan lain selain pengaruh bahasa ibunda sahaja. Oleh itu, analisis kesilapan berperanan untuk menghuraikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar. Sekiranya analisis kontrastif dan analisis kesilapan dilakukan secara sistematik, hasil kedua-dua pendekatan ini akan memberi sumbangan yang besar kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

4. Analisis dan Perbincangan

Daripada kajian dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh responden di samping menentukan perkataan sinonim bahasa Thai mengikut konteks ayat yang sesuai seperti berikut:

Penggunaan kata sinonim นำ / nam / dan พา / pha: /

[R2,R4,R5]

TR	no:ra:	nam	lû:k cha:y	khăw	pai	thî:	ro:ng phaya: ba:n
BT	โนรา	นำ	ลูกชาย	เขา	ไป	ที่	โรงพยาบาล
BM	Nora	membawa	anak lelaki	dia	pergi	ke	Hospital

Berdasarkan ayat di atas, responden telah melakukan kesalahan dengan menggunakan perkataan นำ / nam /. Perkataan นำ / nam / tidak boleh digunakan di dalam ayat tersebut kerana konteks ayat tersebut tidak sesuai digunakan perkataan นำ / nam /. Oleh yang demikian, perkataan นำ / nam / perlu digantikan dengan perkataan พา / pha: / yang juga bermaksud “membawa” seperti ayat berikut:

TR	no:ra:	<u>pha:</u>	lû:k cha:y	khǎw	pai	thî:	ro:ng phaya: ba:n
BT	โนรา	<u>พา</u>	ผู้ชาย	เขา	ไป	ที่	โรงพยาบาล
BM	Nora	<i>membawa</i>	anak lelaki	dia	pergi	ke	hospital

Perkataan พา /pha: / dan นำ / nam / merupakan kata sinonim di dalam bahasa Thai yang merujuk kepada kata kerja “membawa” dalam bahasa Melayu, namun kedua-dua perkataan ini adalah berbeza dari konteks penggunaannya iaitu perkataan พา /pha: / digunakan untuk benda yang bernyawa seperti “membawa anak”, “membawa haiwan” dan sebagainya manakala perkataan นำ / nam / digunakan untuk benda tidak bernyawa seperti “membawa pen”, “membawa beg”, “membawa makanan” dan sebagainya seperti ayat berikut:

TR	no:ra:	<u>nam</u>	pa:kka:	mai:	sǎ:m	the:ng	thî:	ro:ng ria:n
BT	โนรา	<u>นำ</u>	ปกกา	ใหม่	สาม	แท่ง	ที่	โรงเรียน
BM	Nora	<i>membawa</i>	pen	baru	tiga	batang	ke	sekolah

Penggunaan kata sinonim ชู / chu: / dan ชี้ / chi: /

[R2,R3,R4,R5]

TR:	ma:mat	<u>chu:</u>	tha:ng	hai:	ra:man	sǎmràp	pai	bâ:n	a:li:
BT:	มาหมัด	<u>ชู</u>	ทาง	ให้	รามัน	สำหรับ	ไป	บ้าน	อาลี
BM:	Mamat	<i>tunjuk</i>	jalan	kepada	Raman	untuk	pergi	rumah	Ali

Berdasarkan ayat di atas, responden telah menggunakan perkataan ชู / chu: / yang bermaksud “tunjuk” di dalam ayat tersebut. Penggunaan perkataan ชู / chu: / dalam ayat tersebut adalah salah kerana tidak menepati situasi ayat tersebut. Untuk menghasilkan ayat yang betul, perkataan ชู / chu: / hendaklah digantikan dengan perkataan ชี้ / chi: / yang juga bermaksud “tunjuk” seperti ayat berikut:

TR:	ma:mat	<u>chi:</u>	tha:ng	hai:	ra:man	sǎmràp	pai	bâ:n	a:li:
BT:	มาหมัด	<u>ชี้</u>	ทาง	ให้	รามัน	สำหรับ	ไป	บ้าน	อาลี
BM:	Mamat	<i>tunjuk</i>	jalan	kepada	Raman	untuk	pergi	rumah	Ali

Perkataan ชี้ / chi: / dan ชู / chu: / merupakan kata sinonim dalam bahasa Thai yang merujuk kepada kata kerja “tunjuk” dalam bahasa Melayu, namun kedua-dua perkataan ini adalah berbeza dari konteks penggunaannya iaitu perkataan ชี้ / chi: / digunakan untuk menunjuk arah dan sesuatu benda yang tidak terdapat di tangan penunjuk itu manakala perkataan ชู / chu: / digunakan untuk menunjuk benda yang terdapat di tangan penunjuk itu seperti ayat berikut:

TR:	a:hmad	<u>chu:</u>	pa:kka	khǎw
BT:	อาหมัด	<u>ชู</u>	ปกกา	เขา
BM:	Ahmad	<i>tunjuk</i>	pen	Dia

Penggunaan kata sinonim เฝิง / pə:ng / dan ใหม่ / mài /

[R3,R5]

TR:	chǎn	kàp	nó:ng sǎ:w	chǎn	sú:	sûa:	<u>pə:ng</u>
BT:	ฉัน	กับ	น้องสาว	ฉัน	ซื้อ	เสื้อ	<u>เฝิง</u>

BM: saya dengan adik perempuan saya beli baju *baharu*

Merujuk kepada ayat di atas, responden telah menggunakan perkataan *เพิ่ง* / pə:ng / yang bermaksud “baharu” untuk menghasilkan ayat tersebut. Penggunaan perkataan *เพิ่ง* / pə:ng / dalam ayat tersebut adalah salah mengikut konteks ayat tersebut. Oleh yang demikian, perkataan *เพิ่ง* / pə:ng / perlu digantikan dengan perkataan *ใหม่* / mài / yang juga bermaksud “baru” seperti ayat berikut:

TR:	chǎn	kàp	nó:ng sǎ:w	chǎn	sú:	súa:	<i>mài</i>
BT:	ฉัน	กับ	น้องสาว	ฉัน	ซื้อ	เสื้อ	<i>ใหม่</i>
BM:	saya	dengan	adik perempuan	saya	beli	baju	<i>baharu</i>

Perkataan *เพิ่ง* / pə:ng / dan *ใหม่* / mài / merupakan kata sinonim dalam bahasa Thai yang merujuk kepada kata adjektif waktu “baharu” dalam bahasa Melayu, namun kedua-dua perkataan ini adalah berbeza dari konteks penggunaannya iaitu perkataan *ใหม่* / mài / digunakan untuk menerangkan tempoh masa bagi kata nama seperti “jam baharu”, “kereta baharu” dan sebagainya manakala perkataan *เพิ่ง* / pə:ng / digunakan untuk menyatakan tempoh masa bagi kata kerja seperti “baharu bangun”, “baharu bertolak” dan sebagainya seperti ayat berikut:

TR:	chǎn	<i>pə:ng</i>	pai	sú:	khə:ng	thí:	tla:t
BT:	ฉัน	<i>เพิ่ง</i>	ไป	ซื้อ	ของ	ที่	ตลาด
BM:	saya	<i>baharu</i>	pergi	beli	barang	di	pasar

Penggunaan kata sinonim *นาน* / na:n / dan *เก่า* / kaw /

[R2,R3,R4,]

TR:	chǎn	pai	tòk pla:	kàp	phú:a:n	<i>na:n</i>	chǎn
BT:	ฉัน	ไป	ตกปลา	กับ	เพื่อน	<i>นาน</i>	ฉัน
BM:	saya	pergi	memancing	dengan	kawan	<i>lama</i>	saya

Responden telah melakukan kesalahan dalam menggunakan perkataan *นาน* / na:n / dalam ayat tersebut. Penggunaan perkataan *นาน* / na:n / yang bermaksud “lama” adalah salah di dalam ayat tersebut kerana tidak sesuai mengikut situasi ayat tersebut. Oleh yang demikian, perkataan *นาน* / na:n / perlu digantikan dengan perkataan *เก่า* / kaw / yang juga bermaksud “lama” seperti ayat berikut:

TR:	chǎn	pai	tòk pla:	kàp	phú:a:n	<i>kaw</i>	chǎn
BT:	ฉัน	ไป	ตกปลา	กับ	เพื่อน	<i>เก่า</i>	ฉัน
BM:	saya	pergi	memancing	dengan	kawan	<i>lama</i>	saya

Perkataan *นาน* / na:n / dan *เก่า* / kaw / merupakan kata sinonim di dalam bahasa Thai yang merujuk kepada kata adjektif waktu “lama” dalam bahasa Melayu, namun kedua-dua perkataan ini adalah berbeza dari konteks penggunaannya iaitu perkataan *เก่า* / kaw / digunakan untuk menerangkan tempoh masa bagi kata nama seperti “kawan lama”, “majikan lama” dan sebagainya manakala perkataan *นาน* / na:n / digunakan untuk menyatakan tempoh masa bagi waktu seperti “sudah lama tidak berjumpa”, “sudah lama berada di Malaysia” dan sebagainya seperti berikut:

TR:	chǎn	yù:	thí:	ka:jang	<i>na:n</i>	lé:w
-----	------	-----	------	---------	-------------	------

BT:	ฉัน	อยู่	ที่	กำลัง	<u>นาน</u>	แล้ว
BM:	saya	tinggal	di	Kajang	<i>lama</i>	sudah
BMS:	saya	tinggal	di	Kajang	sudah	<i>lama</i>

Penggunaan kata sinonim โต / to: / dan ใหญ่ / yai /

[R1,R2,R3,R4,R5]

TR:	bâ:n	a:ja:n	lang	nán	<u>to:</u>	mâ:k
BT:	บ้าน	อาจารย์	หลัง	นั้น	<u>โต</u>	มาก
BM:	rumah	pensyarah	sebuah	itu	<i>besar</i>	sangat
BMS:	rumah	pensyarah	sebuah	itu	sangat	<i>besar</i>

Berdasarkan ayat di atas, responden telah melakukan kesalahan dalam menggunakan perkataan โต / to: / . Penggunaan perkataan โต / to: / tidak boleh digunakan di dalam ayat tersebut kerana tidak sesuai mengikut konteks ayat tersebut. Oleh yang demikian, perkataan โต / to: / perlu digantikan dengan perkataan ใหญ่ / yai / yang juga bermaksud “besar” seperti ayat berikut:

TR:	bâ:n	a:ja:n	lang	nán	<u>yai</u>	mâ:k
BT:	บ้าน	อาจารย์	หลัง	นั้น	<u>ใหญ่</u>	มาก
BM:	rumah	pensyarah	sebuah	itu	<i>besar</i>	sangat
BMS:	rumah	pensyarah	sebuah	itu	<i>sangat</i>	<i>besar</i>

Perkataan โต / to: / dan ใหญ่ / yai / merupakan kata sinonim dalam bahasa Thai yang merujuk kepada kata adjektif ukuran “besar” dalam bahasa Melayu, namun kedua-dua perkataan ini adalah berbeza dari konteks penggunaannya iaitu perkataan ใหญ่ / yai / digunakan untuk menerangkan ukuran bagi benda seperti “kereta besar”, “rumah besar” dan sebagainya manakala perkataan โต / to: / digunakan untuk menerangkan ukuran bagi orang, haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang mengalami proses pembesaran sahaja seperti “adik sudah besar”, “pokok ini telah besar” dan sebagainya seperti ayat berikut:

TR:	nó:ng cha:y	chăn	<u>to:</u>	lé:w
BT:	น้องชาย	ฉัน	<u>โต</u>	แล้ว
BM:	adik lelaki	saya	<i>besar</i>	sudah
BMS:	adik lelaki	saya	sudah	<i>besar</i>

Seterusnya, berdasarkan kaedah temu bual yang dijalankan ke atas responden, pengkaji telah memperoleh beberapa punca yang mempengaruhi kesalahan tersebut. Antaranya adalah seperti :

Strategi pembelajaran bahasa

Pengkaji mendapati faktor utama yang mempengaruhi kesalahan responden adalah disebabkan oleh strategi pembelajaran bahasa yang diaplikasikan oleh responden. Responden hanya mempelajari bahasa Thai dalam bilik darjah sahaja dan tidak mengaplikasikan bahasa Thai di luar bilik darjah. Responden juga tidak mengaplikasikan strategi pembelajaran bahasa kedua seperti saranan Brown (1987) yang merangkumi penerimaan, penghafalan, penyimpanan dan pengembalian. Mempelbagaikan strategi pembelajaran seperti teknik pengulangan, penghafalan, bercakap dengan diri sendiri, mencari kesalahan dan memperbetulkannya adalah penting dan berguna dalam usaha mempertingkatkan pencapaian dalam diri pelajar. Berikut merupakan transkripsi temu bual:

P: maksudnya bawa..belajar tak kat rumah?

R: selalunya belajar dalam kelas saje..
[R2,U56-57]

P: **jadi belajar dalam kelas jelah..**
R: ye..sebab luar kelas tak ada orang nak cakap Thai..
[R4,U94-95]

Pergantungan kepada guru dan nota kuliah semata-mata

Punca yang kedua adalah disebabkan oleh konteks pembelajaran. Daripada temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati pensyarah telah memberi penerangan yang betul kepada responden, namun para responden telah menyalin perkataan atau perkataan tersebut dalam buku dengan cara yang salah. Oleh itu, para responden akan mengulang kaji perkataan tersebut berdasarkan apa yang telah ditulis di dalam buku berkenaan. Hal ini adalah selaras dengan pendapat Brown (1987) yang mengaitkan konteks pembelajaran ini dengan bilik darjah, bahan pembelajaran dan guru ketika belajar di sekolah, dan konteks sosiolinguistik ketika belajar secara persendirian. Berikut merupakan transkripsi temu bual:

P: **awak pasti ke “nan” maksudnya itu?**
R: sebab Dr pernah ajar dan dalam buku pun ada beritahu yang
“nan” bermaksud itu..salah ke?
[R1,U11-12]

R: saya rasa ayat ni lebih cantik guna mai..ajan (pensyarah) yang
ajar..hehehe
P: **jadi awak rasa ajan (pensyarah) yang ajarlah?**
R:emmm..yelah..mungkinlah
[R2,U35-37]

P: **time Dr mengajar, awak ada tulis nota tak?**
R: tak..saya cuma highlight kat buku saja..
[R3,U71-72]

Kesukaran mempelajari bahasa Thai

Faktor seterusnya adalah berkaitan dengan kesukaran mempelajari bahasa Thai oleh para responden. Daripada temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati para responden sukar untuk memahami makna yang didukung oleh kata sinonim bahasa Thai ini sehinggakan mereka tidak dapat membezakan penggunaan kata tersebut di dalam struktur ayat yang sesuai. Hal ini adalah kerana terdapat perbezaan dalam sistem fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik yang sukar untuk dibezakan oleh para pelajar (Richards & Sampson, 1974). Berikut merupakan transkripsi temu bual:

P: **susah ke belajar bahasa Thai?**
R: susah jugak sebab bunyi sama tapi maksud lain..pening kepala
nak ingat..
[R3,U77-78]

Keterbatasan kosa kata/perkataan

Selain itu, keterbatasan kosa kata juga mempengaruhi para responden dalam melakukan kesalahan penggunaan kata sinonim bahasa Thai. Hal ini kerana responden tidak mengingati kosa kata yang pelbagai untuk menyatakan idea atau mesej dengan jelas. Daripada temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati para responden hanya mempunyai perkataan yang terhad untuk menghasilkan ayat yang betul. Oleh itu, mereka tidak berupaya untuk membezakan perkataan yang betul untuk digunakan di dalam konteks ayat yang sesuai. Berikut merupakan transkripsi temu bual:

P: awak teka?

R: saya..mungkin teka jugalah..sudah biasa gunakan *chu..chi saya tak tahu maknanya*.

1. [R2,U52-53]

R: *pha* ialah bawa..*nam saya tak tahu*..air kot?

P:bukan air..*nam pon* bermaksud bawa..

5. Kesimpulan

Secara umumnya, sinonim difahami sebagai kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dengan kata lain. Namun kata sinonim ini juga ada yang dapat bertukar ganti di dalam ayat yang sama dan ada juga yang tidak dapat bertukar ganti disebabkan makna yang didukung oleh kata sinonim itu tidak sesuai atau tepat digunakan dalam ayat berkenaan. Untuk menentukan penggunaan kata sinonim bahasa Thai dalam konteks ayat yang sesuai, guru bahasa asing khususnya bahasa Thai haruslah mengetahui masalah ini dan bagaimana cara bagi mengatasinya. Aspek semantik hendaklah dititik beratkan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua kerana aspek ini dapat di manfaat oleh semua individu yang meminati bahasa kedua ini.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (1988). *Susur Galur Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir edisi kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, H. D. (1987). *Principles of language learning and teaching*. Ed. ke-2. New Jersey: Prentice-hall, Inc. & Englewood Cliffs.
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching*. New York: Longman.
- Carametichon Ekachan. (1994). *Phasa Thai Samrap Khru*. Bangkok: Samnakphim Odiaston.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Cheun, H. H., Ho, W. C. & Hoe, F. T. (2009). A study of Mandarin sentence grammar mistake made by non-native speaker. *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communities*.
- Coder, S. Pit. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press
- Fisiak, Jacek. (1981). *Contrastive Linguistics And The Language Teacher*. Oxford: University Press.
- Harimurti Kridalaksana (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T. Gramedia
- Hazlina Abd Halim. (2013). *Analisis Kesilapan dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2).
- Lado, Robert. (1957). *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor : The University of Michigan Press.
- M. Gass, Susan (2013). *Second Language Acquisition: An Introductory Course*: Retrieved May 23, 2014, from the Google Scholar Web: <http://scholar.google.com.my/>
- Jamaliah Md Ali. (1990). *Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Jurnal Dewan Bahasa (Mei). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James, Carl. (1980). *Contrastive Analysis*. England: Longman Group Limited.
- James, Carl. (1998). *Errors in Language Learning and Use*. England: Longman.
- Moghimizadeh, R. P. (2008). *The study of syntactic avoidance on the written production of persian university students majoring in teaching english as a foreign language*. Disertasi tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim et al. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizan Che Su. (2003). *Bahasa Thai untuk Komunikasi*. Selangor: Citra Kurnia Enterprise.
- Norizan Che Su. (2006). *Belajar Menulis dan Membaca Bahasa Thai*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norizan Che Su et al. (2011). *Polisemi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. *Lingua* 3. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). *Kesalahan Penggunaan Bahasa Thai oleh Pelajar UPM dan UKM*. *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya Isu dan Trend*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norizan Che Su dan Zaitul Azma Zainon Hamzah . (2011). *Ayat Tanya dalam Bahasa Thai dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan*. *Jurnal Linguistik* jilid 13
- Paitoon M. Chaiyanara. (2005). *Analisis Segmental dalam Bahasa Thai: Satu Penerapan Teori Fonologi Autosegmen*. *Persidangan Linguistik ASEAN III*. 29-30 November 2005. Hotel Patra Jasa, Jakarta.

- Richards, J. (1974). *Error Analysis: Perspectives On Second Language Acquisition*. London: Longman.
- S.Nathesan (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Nathesan (2004). *Kata Bersinonim dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selinker, Larry. (1976). *Interlanguage*. dlm. John C. Schumann & Nancy Stenson (ed). *New frontier in second language learning*, ms. 114-136. Massachusetts, U.S.A: Newburry House Publishers, Inc.
- Tantakseni Witchian. (1993). *Photcananukkom Thai-Malay-Angkritis*. Bangkok: Samnakphim Odiaston.
- Wilkins, D.A.(1983). *Linguistics in Language Teaching*. London: The English Language Book Society & Edward Arnorld (Publishers) Ltd.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2007). *Peranan Media dalam Meningkatkan pembelajaran dan Penguasaan Bahasa Thai sebagai Bahasa Kedua*. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, Volume 15. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Rosli Talip. (2010). *Kepentingan Analisis Kontrasif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. *Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Trend dan Amalan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zulkifli Ahmad. (2012). *Pembangunan Perisian Kursus Multimedia-Interaktif Simpulan Bahasa Thai Berdasarkan Anatomi (PKMI-SBT)*. *E-Bangi Journal of Sciences and Humanities*. Volume 7. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.